

## Ulasan Artikel

- Tajuk Artikel : Isu Kafir-mengkafir Dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik Dan Sosial Masyarakat Melayu \*
- Penulis : Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff
- Penerbit : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Pengulas : Wan Suhaimi Wan Abdullah \*\*

Isu kafir-mengkafir adalah antara isu kontroversi yang pernah melanda sejarah politik dan sosial masyarakat Islam amnya dan masyarakat Islam di Malaysia khususnya. Isu ini biasanya dikaitkan dengan pelbagai sebab dan latarbelakang. Dalam masa yang sama ia juga diakui banyak menyumbang kepada pelbagai fenomena dan masalah dalam kehidupan umat Islam amnya. Artikel ini cuba mengemukakan suatu sorotan menyeluruh tentang 'tragedi' kafir-mengkafir dalam masyarakat Melayu, kesan negatif tragedi tersebut dalam perkembangan politik dan sosial masyarakat Melayu di Malaysia dan saranan ke arah bentuk-bentuk penyelesaian yang boleh diusahakan. Objektif utama artikel ini adalah untuk memperlihatkan betapa isu kafir-mengkafir ini bukanlah suatu isu yang boleh dipandang remeh dan dibiarkan tanpa dilakukan usaha berterusan dan dirancang strategi yang efektif bagi menanganinya. Bagi mempersembahkan perbincangannya, penulis memulakan dengan gambaran ringkas tentang fenomena kafir-mengkafir, pengertian dan kategori kafir-mengkafir (*takfir*) dalam al-Qur'an dan amalan para Sahabat r.a., perkembangannya dalam masyarakat Melayu dari aspek punca dan kesannya, seterusnya diakhiri dengan suatu saranan penyelesaian bagi tragedi ini.

Secara amnya, topik perbincangan artikel ini adalah terlalu luas untuk dikupas secara komprehensif dalam sebuah artikel jurnal. Penulis sepatutnya memusatkan perbincangannya kepada aspek yang lebih mendasar bagi isu yang dibincangkan dan tidak perlu terlalu ghairah menyebut pelbagai aspek yang berkaitan dan cuba memperkatakan tentangnya satu persatu. Ini akhirnya hanya akan menghasilkan suatu analisis yang mendatar yang lebih bersifat sorotan peristiwa dan tidak menyumbang dalam memperjelaskan aspek-aspek yang diketengahkan itu secara yang lebih

---

\* Artikel ini telah diterbitkan dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 17 Edisi Julai 2003, h. 15-32 (18 halaman).

\*\* Pensyarah Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan calon Ph.D di ISTAC.

komprehensif. Isu berkaitan perlantikan orang kafir sebagai pemimpin umat Islam misalnya masih boleh dan perlu diperjelaskan dengan lebih komprehensif dari pelbagai perspektif dan ini lebih menyumbang dalam memberikan kefahaman yang lengkap kepada pembaca.

Dari aspek pembahagian dan aliran perbincangan, penulis seakan tidak begitu jelas dan sistematik. Secara umumnya persembahan perbincangan artikel ini mencakupi aspek pengenalan dan latarbelakang isu, kafir-mengkafir dalam masyarakat Melayu, punca dan kesannya kepada politik dan sosial masyarakat Melayu serta penyelesaian yang dicadangkan. Perbincangan tentang punca berkembangnya fenomena kafir-mengkafir yang dimuatkan dalam tajuk 'Punca Utama Kafir Mengkafir' misalnya adalah lebih bersifat teoretikal dan ia umumnya berdasarkan pandangan ilmuwan bukan Melayu, sedangkan punca-punca yang lebih realistik dengan suasana masyarakat Melayu yang dimuatkan dalam tajuk 'Takfir Dalam Masyarakat Melayu' tidak ditampilkan sebagai punca dan dianalisis sebaiknya. Selain itu, tajuk 'Perpecahan Masyarakat Melayu' dan 'Ketegangan Politik' boleh disatukan di bawah satu tajuk misalnya tajuk 'Kesan Kafir-mengkafir Dalam Masyarakat Melayu' dan data-data berkenaan kesan-kesan fenomena ini perlu ditambah demi membuktikan betapa seriusnya isu ini.

Walau bagaimanapun artikel ini boleh disifatkan sebagai pencetus sensitiviti yang mampu menarik pembaca untuk lebih perihatin terhadap isu yang diketengahkan. Persembahan penulis yang berjaya mengenengahkan aspek-aspek utama berkaitan isu kafir-mengkafir ini mampu memberi gambaran umum tentang fenomena yang berlaku. Gambaran ini amat penting diketahui dan difahami oleh segenap lapisan masyarakat jika mereka serius dan ikhlas untuk menangani isu tersebut. Setiap anggota masyarakat perlu sedar akan realiti ini dan perlu sentiasa bersedia untuk menanganinya bersama. Saranan yang dikemukakan oleh penulis, walaupun agak umum sifatnya, namun mekanisme dan strategi yang lebih khusus boleh dan patut difikirkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Secara keseluruhannya, artikel ini bukanlah suatu artikel yang komprehensif dalam menangani topik yang dipilih. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dikemukakan adalah penting diketengahkan untuk bacaan umum mahupun untuk para pengkaji, sekurang-kurangnya dari aspek paparan sejarah. Persembahan penulis dalam artikel ini mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang betapa seriusnya isu kafir-mengkafir ini dalam masyarakat Melayu dan jika ia dibiarkan berterusan, ia pasti akan mengundang kesan dan masalah yang lebih kritikal.